

Majlis Pengkisahan Sejarah ke 10
Pasar Kedai Payang Sejarah Dan Pembangunan
Dirasmikan oleh Y.B Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah
Pengerusi Jawatankuasa Dan Pembangunan Manusia Negeri Terengganu
5hb Ogos 1999

Pengerusi Majlis

Dato' Rashid bin Ngah Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Manusia merangkap Pengerusi Jawatankuasa Koleksi Terengganu, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Yang Berbahagia Encik Sidek Jamil wakil Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Yang Berbahagia Tuan Haji Abdul Wahid bin Amin, Pengarah Arkib Negara cawangan negeri Terengganu, Yang Berbahagia Puan Rohayah bt Yahya wakil Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Yang Berbahagia Encik Fauzi Muda wakil Pengarah Muzium Negeri Terengganu, ahli-ahli Perbadanan Perpustakaan Negeri, ketua-ketua jabatan, dif-dif jemputan, tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu bagi pihak majlis mengucapkan selamat datang kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid Ngah, ahli mesyuarat kerajaan negeri dan juga para hadirin sekalian ke majlis perasmian pengkisahan sejarah Pasar Kedai Payang sejarah dan pembangunan pada pagi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dimuliakan

Majlis pada pagi ini dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Yusof bin Sabri dari Arkib Negara. Dipersilakan.

(Bacaan doa)

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Seterusnya majlis dengan hormatnya menjemput Yang Berbahagia Puan Rohayah bt Yahya, wakil Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu untuk menyampaikan ucapan. Dengan segala hormat dipersilakan.

Puan Rohayah bt Yahya

Terima kasih. Assalamualaikum w.b.t. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah Pengerusi Jawatankuasa Koleksi Terengganu Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, Yang Berbahagia Encik Sidek bin Jamil wakil Pengarah Arkib Negara Kuala Lumpur, Yang Berbahagia Tuan Haji Wahid bin Amin Pengarah Arkib Negara cawangan negeri Terengganu dan Pahang, Yang Berbahagia Encik Mohd Fauzi bin Muda wakil Pengarah Muzium Negeri

Terengganu, yang saya hormati ketua-ketua jabatan, tokoh-tokoh pengkisahan, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu izinkan saya menyampaikan salam daripada pengarah saya iaitu Puan Fauziah binti Haji Mohd Taib dan juga ucapan maaf beliau kerana tidak dapat hadir bersama-sama kita pada pagi yang mulia ini diatas sebab yang tidak dapat dielakkan. Seterusnya ialah ucapan beliau yang telah diamanatkan kepada saya untuk disampaikan kepada semua para hadirin yang dihormati sekalian di sesi pagi ini. Bersyukur kita pada Allah S.W.T kerana kita dengan restuNya, maka dapatlah kita sekali lagi sama-sama menjayakan majlis pengkisahan sejarah kali ini yang merupakan siri ke-9. Anjuran Jawatankuasa Koleksi Negeri Terengganu Perpustakaan Awam Terengganu dengan kerjasama Arkib Negara cawangan Terengganu dan juga Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Dengan tajuknya kali ini Pasar Kedai Payang dari segi sejarah dan pembangunannya. Tajuk ini telah dipilih bertepatan dengan peranan Pasar Kedai Payang itu sendiri iaitu merupakan nadi penggerak ekonomi. Terutamanya di kalangan masyarakat bumiputera di Kuala Terengganu sejak dahulu sehingga sekarang. Dan pada hari ini seramai 3 orang tokoh telah dijemput untuk mengkisahkan kepada kita semua melalui pengalaman mereka dan juga penglibatan mereka sama ada secara langsung ataupun tidak langsung mengenai sejarah pertumbuhan Pasar Kedai Payang ini.

Para hadirin sekalian

Pengkisahan yang akan dibuat oleh tokoh-tokoh jemputan ini akan dirakamkan ke dalam bentuk video dan audio kaset dan akan disimpan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu juga oleh pihak Arkib Negara cawangan Terengganu dan juga oleh Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Sebagai satu sumber rujukan ~~yang asli~~ untuk para penyelidik dan pelajar yang ingin membuat kajian mengenai ~~sejarah~~ tempatan. Dan didalam siri-siri yang sebelumnya, pelbagai aspek sejarah penting di Terengganu telah pun diutarakan sebagai tajuk majlis pengkisahan sejarah iaitu dalam siri pertama, kami telah mengutarakan sejarah pendidikan Islam di Terengganu sebagai tajuk yang pertama. Dan siri ke-2 bertajuk sejarah pentadbiran Islam di Terengganu. Siri ke-3 perundungan Islam di Terengganu. Siri ke-4 sejarah Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin Terengganu. Yang ke-5, sejarah perahu besar di Terengganu. Yang ke-6, sejarah perlombongan bijih besi di Terengganu. Ke-7, semangat kemerdekaan di Terengganu. Ke-8 fakta metos mengenai penyu di Terengganu. Dan pada hari ini pula siri ke-9 ialah Pasar Kedai Payang dari segi sejarah dan pembangunannya. Dari segi perbadanan perpustakaan awam sendiri sebagai pusat pengumpulan dan permulaan bahan-bahan mengenai negeri Terengganu. Semua hasil rakaman ini akan disimpan dihadapan isi Terengganu iaitu satu koleksi khas dan boleh diakses oleh sesiapa saja yang ingin memenuhi keperluan maklumat bagi tujuan rujukan, pembelajaran ataupun pendidikan. Disamping bahan-bahan seperti pita video dan audio mengenai majlis pengkisahan sejarah. Bahan-bahan lain yang terdapat didalam koleksi

Terengganu ini juga terdiri daripada bahan-bahan seperti buku, tesis, keratan akhbar dan majalah, kertas kerja seminar, laporan tahunan jabatan kerajaan dan swasta, mikrovelon dan gambar-gambar yang terdiri dari pelbagai aspek mengenai negeri Terengganu. Bahan-bahan ini juga bukan sahaja boleh dirujuk oleh tahun 2000 nanti. Sekian, saya sudahi dengan ucapan wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum w.b.t. Terima kasih.

Encik Sidek Jamil (wakil Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia)

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t. Yang Berbahagia saudara pengerusi majlis, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Manusia Negeri Terengganu, Yang saya hormati Yang Berbahagia Dato' Bendahara Luar Timbalan Pengerusi Koleksi Terengganu, Pengarah KUSZA, Yang Berbahagia saudara Tuan Haji Abdul Wahid Amin Pengarah Arkib Negara cawangan negeri Terengganu, Yang Berbahagia Puan Rohayah bt Yahya wakil Pengarah Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Yang Berbahagia Encik Faiz Muda wakil Pengarah Muzium Terengganu. Tidak lupa juga Yang Berbahagia Tuan Haji Razali Ismail sebagai pengerusi pada hari ini iaitu ~~Pengerusi~~ Maktab Perguruan Kuala Terengganu, tokoh-tokoh yang kita raikan iaitu Encik Abdullah bin Mohd, Encik Jaafar bin Abdullah dan Encik Su Kif Liew.

Terlebih dahulu saya sebagai ~~wakil~~ kepada Ketua Pengarah ingin menyampaikan salam mesra daripada Ketua Pengarah Arkib Negara. Pun beliau telah menyediakan teks ucapannya untuk saya bacakan pada hari ini. Jadi berikut adalah teks ucapan ~~beliau~~. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya kita dapat bersama-sama berkumpul dalam majlis pengkisahan pagi ini. Kita juga amat bertuah atas kehadiran Yang Berhormat Dato' Haji Abdul ~~Rashid~~ bin Ngah Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Manusia Negeri Terengganu yang telah sudi untuk merasmikan majlis pada pagi ini. Walaubagaimanapun, walaupun Yang Berhormat Dato' sibuk dengan urusan negeri namun kesudian Yang Berhormat Dato' untuk meluangkan masa bersama-sama dalam meraikan majlis ini sangatlah dihargai. Kita semua mengetahui bahawa majlis pada pagi ini adalah merupakan kali yang ke-9 dan pada pagi setiap siri yang lepas, Yang Berhormat Dato' tidak pernah ketinggalan untuk hadir dan menyertai sama sesi pengkisahan sebelum ini. Keadaan ini menggambarkan bahawa Yang Berhormat Dato' adalah seorang pemimpin yang benar-benar komited didalam perkembangan sejarah tanah air, khususnya negeri Terengganu Darul Iman. Kita percaya segala dorongan, bantuan dan kerjasama erat daripada Yang Berhormat Dato' akan menjadi perangsang kepada pihak kami untuk terus berusaha bagi mencapai matlamat program ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Majlis pengisian kali ini sebagaimana yang telah disebutkan oleh wakil Pengarah Perpustakaan tadi bertemakan Pasar Kedai Payang Sejarah Dan Pembangunan. Tema pada kali ini amat dirasakan amat sesuai dengan keadaan sekarang dimana arus perkembangan ekonomi negara dan negeri Terengganu khususnya bergerak pantas menuju era tahun 2000 ataupun alaf baru. Hakikatnya negeri Terengganu memanglah lama terkenal sebagai pusat perdagangan di rantau sebelah sini. Kuala Berang atau disebut foloan daerah negeri Terengganu pernah menjadi pusat perniagaan yang utama di Asia Tenggara pada abad ke-12 lagi, disamping kerajaan Srivijaya. Pada zaman kemakmuran perdagangan kerajaan Langkasuka, Terengganu dikatakan menjadi pembekal sumber bahan mentah seperti emas dan bijih timah. Peta yang dilukis oleh Tolemi ada menunjukkan 2 pelabuhan perdagangan di pantai timur semenanjung iaitu kole dan Primula.

Semenjak abad ke-13, orang-orang melayu Terengganu telah menjalankan perniagaan menggunakan perahu besar ke daerah-daerah dalam kepulauan Melayu, Siam dan juga China.

Pada tahun 1781 kata Francis Light pernah mengutus surat kepada Lord On Warris di India menyatakan Terengganu ialah pusat pelabuhan Melayu yang menjalankan perniagaan besar dengan negeri China. Yang mana hasil keluaran dari bumi ini hanyalah cengkih, emas dan bijih besi. Malah Kapten Lay dalam laporannya semasa sampai di Kuala Terengganu dengan kapal Sand De Pactise pada tahun 1769, menerangkan dengan jelas keadaan Bandar Kuala Terengganu yang mempunyai 3 buah bazar untuk orang Melayu, Siam dan Cina. Beliau juga memuji pentadbiran serta rakyat tempatan yang sentiasa bersikap baik kepada pedagang asing. Jadi gambaran tentang aktiviti ekonomi masyarakat melayu di bandar ini seterusnya digambarkan oleh Murshid Abdullah semasa singgah di Kuala Terengganu dalam pelayarannya ke Kelantan pada tahun 1836. Suasana pasar, para peniaga serta jenis barang yang dijual beli menggunakan barang niaga bahawa orang melayu Terengganu adalah merupakan masyarakat yang berketrampilan dalam bidang perniagaan dan pembuatan. Pasar Kampung Laut yang disebut Murshid Abdullah adalah dipercayai terletak berhampiran dengan kawasan Pasar Kedai Payang yang kita kenali sekarang ini. Berdasarkan bukti-bukti sejarah, jelas oleh kita bahawa kawasan sekitar Kedai Payang sekarang seperti Kampung Cina, Kampung Daik, Kampung Kelih dan Kedai Hilir dan Tanjung yang terletak di muara sungai Terengganu yang juga merupakan pelabuhan perdagangan sejak abad ke-13. Ini adalah merupakan nadi pertumbuhan ekonomi dan sosial masyarakat Kuala Terengganu.

Tuan-tuan dan puan-puan

Dari semasa ke semasa pelabuhan serta pembangunan pasar ini dan kawasan sekitarnya terus berjalan daripada berjual secara lambak diatas pasir dan gerai atap rumbia, kini telah terbina bangunan kekal yang serba lengkap. Ruang tempat bermiaga terus diperluas dan ditambah bersama pelbagai hasil jualan selaras dengan pertambahan jumlah pengguna. Sehingga kini kepentingan kawasan ini sebagai nadi kegiatan ekonomi dan perniagaan orang melayu di Kuala Terengganu masih segar dan diperlukan. Pasar Kedai Payang serta aktiviti ekonomi dan sosial warganya tetap utuh dan berkembang selaras dengan arus perdana ekonomi negara. Ramai dari kalangan peniaga dan pengusaha Pasar Kedai Payang sekarang ialah pewaris kepada generasi bermiaga sejak zaman berzaman. Ketabahan serta kegigihan-kedigihan mereka menyusuri arus pembangunan amat dikagumi dan perlu dijadikan teladan kepada generasi sekarang dan akan datang. Arkib Negara mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sebanyak mungkin maklumat dan fakta yang ada mengenai Pasar Kedai Payang. Melalui pengalaman sebenar ketiga-tiga orang tokoh yang kita jemput pada pagi ini, yang sudi bersama kita pada majlis ini untuk menjadi sumber rujukan sejarah negeri Terengganu. Akhir kata saya dengan rasa penuh kesyukuran ingin merakamkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah Pengerusi Jawatankuasa dan Pembangunan Manusia, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu atas sokongan serta dorongan dalam menjayakan majlis ini. Dan juga kepada semua pihak serta individu secara langsung atau tidak langsung telah sama-sama menyumbang bagi menjayakan majlis ini. Semoga usaha kita direhdai Allah S.W.T. Wabillahitaufik walhidayah. Wassalamualaikum w.b.t.

Pengerusi Majlis

Berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berbahagia Encik Sidek Jamil, wakil Ketua Pengarah Arkib Negara, dif-dif jemputan, tuan-tuan dan puan-puan yang dimuliakan. Sekarang majlis dengan sukacitanya menjemput Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Manusia Negeri Terengganu, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Koleksi Terengganu Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan pengkisahan sejarah Pasar Kedai Payang sejarah dan pembangunan. Dengan segala hormat dipersilakan.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillahirabbilalamin wassolatuwassalamuala asrafilambiyaiwalmursalin waalaaalihiwasohbihajmain. Saudara pengatur acara majlis, Yang Berbahagia Encik Sidek wakil Ketua Pengarah Arkib Negara, Yang Berbahagia Encik Abdul Wahid bin Amin Pengarah Arkib Negara, Puan Rohayah wakil Pengarah Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Encik Fauzi wakil Pengarah Muzium Negeri Terengganu, Yang Berbahagia Dato' Bendahara Luar Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Koleksi Negeri Terengganu dan ahli-ahli jawatankuasa koleksi, Tuan Haji Razali Ismail Pengetua Maktab Perguruan Kuala Terengganu dan akan bertindak selaku pengerusi pengkisahan pada pagi ini. Sahabat-sahabat kita yang terdiri daripada Encik Abdullah bin Mohd dari Seberang Takir, Encik Jaafar dan Cikgu Su Kif Liew yang akan bercerita kepada kita berhubung dengan Pasar Kedai Payang, tetamu-tetamu kehormat, saudara-saudari, anak-anak saya kasih sekalian.

Terima kasih pertama-tamanya kepada Tuan Haji Razali dan 3 orang tokoh yang akan menjadi pengkisah Pasar Kedai Payang kepada kita pada pagi ini. Terima kasih saya kepada Arkib Negara yang telah memberi kerjasama kepada kita terutamanya Encik Wahid yang mengetuai Arkib Negara sebelah pantai timur ini. Kerjasama yang sangat rapat dan sepenuhnya kita dapat daripada Muzium Negeri Terengganu. Dan terima kasih saya kepada Puan Rohayah yang bersusah payah membuat beberapa kerja yang tidak dapat saya buat sebagai persediaan untuk menjayakan majlis ini.

Tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudari yang saya hormati sekalian

Tujuan majlis ini atau majlis pengkisahan sejarah ini diadakan ialah untuk mengumpul dan memperolehi maklumat mengenai sejarah dan perkembangan sesuatu yang dikisahkan. Pada pagi ini yang dikisahkan ialah Pasar Kedai Payang Kuala Terengganu. Bagi tujuan menambahkan serta melengkapkan sumber penyelidikan mengenai negeri Terengganu di Perpustakaan Awam Terengganu, Muzium Negeri dan juga Arkib Negara cawangan Terengganu dan Pahang. Yang kedua bertujuan untuk menarik minat serta mananamkan kesedaran golongan muda atau anak-anak atau anak-anak saudara sekalian terhadap kepentingan serta sumbangan Pasar Kedai Payang dari sudut ekonomi dan sosial masyarakat Kuala Terengganu, dahulu dan sekarang sebagai satu khazanah warisan negeri Terengganu. Pasar Kedai Payang saya rasa tidak asing lagi kepada kita. Pasar Kedai Payang yang sekarang merupakan satu tempat atau satu pusat perniagaan yang telah dimajukan. Mungkin 10,20 mungkin 100 tahun pun ada. Pada apa yang pernah disebut oleh mereka yang pernah pada satu masa dulu sampai ke Kuala Terengganu. Misalnya Mufti Murshid Abdullah. Dalam tahun 1836 dia telah sampai, dia ceritakan berhubung dengan pasar atau mungkin kawasan-kawasan sekitar itulah. Begitu juga halnya dengan catatan yang telah ditinggalkan oleh seorang pelayar daripada Perancis, Kapten Lay ada disebut berhubung dengan kampung sekitar ataupun sebahagian daripada tempatnya. Jadi begitulah kemajuan yang telah dicapai oleh Pasar Kedai Payang.